

PM: Bantuan teknik bukti kerjasama negara2 membangun

Oleh ZAINOOR SULAIMAN

NEGARA-NEGARA membangun dalam lingkungan sosio-ekonomi pertengahan yang juga merupakan penerima dan penyumbang bantuan boleh mengatasi setengah-setengah masalah yang dihadapi menerusi kerjasama yang lebih bererti.

Malaysia yang berpegang kepada pandangan ini telah menyediakan bantuan kepada negara-negara miskin dalam kumpulan tersebut menerusi rancangan bantuan teknikalnya yang dilancarkan dalam tahun 1980.

Dalam lawatannya baru-baru ini ke negara-negara Pasifik Selatan, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, bantuan teknikal yang ditawarkan oleh Malaysia ialah untuk menunjukkan kepada dunia bahawa kerjasama yang bermanfaat boleh diwujudkan di kalangan negara-negara membangun.

Perdana Menteri berkata: "Dengan mengadakan rancangan serupa itu, kita berharap dapat menggalakkan negara-negara membangun yang lain untuk sama-sama berbuat demikian."

Malaysia mempunyai kepakaran di bidang-bidang seperti pengurusan ladang. Negara ini boleh menawarkan kemudahan latihan kepada negara-negara penerima.

Faedah besar

Negara-negara Pasifik Selatan yang telah mendapat faedah besar daripada rancangan bantuan teknikal itu ialah Fiji, Papua New Guinea, Samoa Barat, Tonga, Kiribati dan Kepulauan Cook.

Lain-lain negara yang menerima bantuan teknikal ialah Pakistan, Bangladesh dan beberapa buah negara Teluk.

Fiji telah menghantar empat orang pegawai mengikuti kursus mengenal perancangan dan pengurusan dan lain-lain bidang yang berkaitan di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan).

Suva juga telah meminta untuk menghantar beberapa orang pegawai bagi mengkaji tentang pengurusan ladang, sementara Universiti Pasifik Selatan, bertempat di Fiji telah meminta Malaysia menghantar seorang pensyarah bagi ekonomi gunaan untuk sesi 1983/84-nya.

Papua New Guinea telah menghantar 11 orang pegawai ke Malaysia untuk menjalani latihan dalam berbagai bidang di Intan ataupun disangkutan dengan Felda dan Felera.

Samoa Barat telah memohon supaya dihantar seorang pegawai dari Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri ke Jabatan Pembangunan Ekonominya.

Peruntukan

Negara itu juga sedang menimbang untuk menghantar para pegawai kanan polisnya untuk berlatih di sini.

Tonga dan Kiribati masing-masing telah menghantar seorang pegawai untuk mengambil kursus di peringkat siji dalam bidang penyeliaan hotel dan restoran di Pusat Daya Pengeluaran Negara di Petaling Jaya.

Kepulauan Cooks telah menghantar seorang pelatih ke pusat itu dan dua orang lagi ke Intan. Seorang pelatih lagi kini menghadiri kursus Radio di Pusat Latihan Telekom di sini.

Kerajaan Malaysia telah menguntukkan \$10 juta untuk rancangan itu tahun ini. Dari jumlah tersebut, \$2 juta telahpun digunakan, kata Encik Mustapha Datuk Mahmud, Timbalan Ketua Setiausaha II Kementerian Luar Negeri.

Datuk Seri Dr. Mahathir dijangka menekankan pentingnya kerjasama serupa itu di Sidang Ketua-Ketua Komanwel Serantau di Fiji pada 14 Oktober.

Beliau dijangka menekankan bahawa Komanwel boleh menjadi sebuah badan yang benar-benar bermakna jika ada kesungguhan politik dan hasrat di kalangan anggotanya untuk bekerjasama dan saling bantu-membantu.

Setiausaha Agung Shridath Ramphal, yang pernah melawat negara ini, mensifatkan rancangan bantuan teknikal Malaysia sebagai "contoh perkhidmatan praktikal" yang sepatutnya diberikan oleh sebuah negara membangun kepada sebuah negara membangun yang lain. — Bernama.

No. S

No. P